

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Perhatian: Banyak pertanyaan-pertanyaan tentang loteri telah dikemukakan oleh pembaca-pembaca. Masalah ini sebenarnya telah dijawab dengan terang dalam majalah Qalam bilangan 10 tahun 1951 muka 8. Di dalam jawapan itu pembaca-pembaca dapat memerhati dan mengiktibar tentang sebab-sebab turunnya ayat yang telah menegah loteri itu yang sudah tentu tidak ada dalih atau helah lagi atasnya. Harap penyoal-penyoal dalam perkara ini memerhati majalah bilangan yang tersebut.

-----*-----*-----

Ainah Salam, Bukit Candan Kuala Kangsar bertanya:

Fasal apakah ditentukan perempuan sahaja beridrah yang lelaki tidak. Apakah hukumnya?

Jawab: Yang beranak itu bukan lelaki- Yang beranak itu ialah perempuan. Beranak itu asalnya daripada setitik mani lelaki yang tersimpan di dalam rahim perempuan dan untuk menentukan mani lelaki yang manakah yang berhak atau yang bertanggungjawab kepada kejadian beranak itu maka dikehendaki perempuan itu beridrah dengan tiga kuruk (tiga kali haid) tiga bulan jika ia putus haid atau pun empat bulan jika suaminya mati (cerai mati).

Idah ini ditujukan hanya untuk menentukan anak yang ada supaya apabila anak itu keluar nanti tidak datang syak atau perbalahan terutamanya tentang waris dan keturunan sebab daripada ibu itulah tempat mengeluarkan keturunan- tidak lelaki. Dan kerana itu lelaki tidak beridrah sebab ia mendatang -sedangkan perempuan itulah yang menyimpan di dalam rahimnya benih yang menjadikan anak dan perlu ditetapkan bersihnya selama



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*-----

tiga kuruk itu oleh kerana ada pula kebiasaan di dalam haid yang pertama perempuan itu masih menyimpan benih anak tadi yang kita katakan kejadian yang serupa itu bunting pelanduk.

-----*-----*-----

Muhammad Nur bin Abdul Rahman Matang Tertanjung Bandar Baharu Kedah bertanya: Adakah fidyah-fidyah yang diperbuat oleh orang Melayu kita itu diperbuat oleh orang Islam yang lain?

Jawab: Fidyah-fidyah itu sama kerana Islam tidak ada menentukan bahagian Melayu atau lain bangsa kerana hukumnya untuk satu.

-----*-----*-----

Muhammad Nurul Din Batu 27 Serapuh Parit Perak bertanya: Saya sentiasa memakai berus gigi yang terjual di merata-rata kedai bagaimanakah berus-berus itu kerana tidak diketahui adakah dibuat daripada bulu babi ataupun bulu lembu?

Jawab: Berus gigi itu sebenarnya biasa diperbuat daripada berbagai-bagai bulu di antaranya termasuk bulu babi yang dijual dengan harga yang tinggi. Berus-berus yang dibuat daripada bulu babi tertulis dengan perkataan Bristle di sebalik itu ada juga banyak lagi yang dibuat daripada jenis-jenis seakan-akan plastik yang bertulis dengan Nylon. Sebeginilah keterangan yang kita dapat memberi dalam perkara ini.

-----*-----*-----

Zulkifli Tanah Borneo Utara bertanya: Apakah sebabnya seorang perempuan beranak ada kalanya anak itu sumbing bibirnya. Jari-jarinya kembar dan kudung pada hal kedua-dua ibu bapanya tidak bercela.

Jawab: Sepanjang keterangan doktor yang kita telah bertanya kepadanya kejadian-kejadian itu ada disebabkan oleh keturunan yakni salah satu keturunannya terjadi demikian dan ada kalanya kejadian ini hanya satu kejadian yang biasa yang tidak ada sesuatu sebab menerbitkan.

-----*-----*-----

R. Ridhwan Kampung Senaning Pekan Kangar Perlis bertanya: Ibu bapa telah memaksa anak perempuannya supaya berkahwin dengan seorang belia yang tidak dicintainya- pada hal menurut banyak tulisan tidak ada paksaan kahwin di dalam Islam- jadi adakah suatu langkah menjadikan daripada yang demikian. (Banyak juga soal menambah kalau sekiranya anak itu ingkar adakah anak itu jadi derhaka.)

Jawab: Tuhan telah berfirman maksudnya: Tuhanmu telah mewajibkan bahawa tidak boleh kamu menyembah melainkan Allah, dan (ia mewajibkan) kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa kamu – K. Bani Israil ayat 23.

Seterusnya ayat yang tersebut menyatakan maksudnya: Sekiranya salah seorang daripada mereka itu atau keduanya telah tua maka jangan engkau berkata dengan (perkataan yang menunjukkan benci seperti) “ah” dan janganlah engkau hadapkan kepada mereka itu perkataan yang kasar dan hendaklah berkata kepada mereka itu dengan perkataan yang mulia.

Firmanya lagi (maksudnya): Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada ibu bapa dengan kasih sayang Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya:

Barangsiapa menyukakan ibu bapanya sesungguhnya ia menyukakan Allah dan barangsiapa membuat kemarahan ibu bapanya bermakna ia membuat kemarahan Allah. (Hadith riwayat Bukhari).
Suatu hadith lagi maksudnya: Orang yang mempunyai sebesar-besar hak atas seorang (anak) itu ialah ibunya.

Satu lagi hadith (maksudnya): Syurga itu di bawah tapak kaki ibu-ibu- (hadith riwayat Ahmad.)

Suatu hadith lagi riwayat Bukhari (maksudnya):

Jagalah percintaan ibu bapamu janganlah engkau putuskan, kerana kalau engkau putuskan nescaya Allah padamkan cahayamu (iaitu Allah jadikan kamu hina).

Banyak hadith-hadith berkenaan anak-anak itu mesti mentaati perintah dan kemahuan ibu bapanya dan anak-anak yang taay itu adalah akan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat dan akan nampak kesan-kesannya dengan nyata. Menurut agama wajib kita menurut semua kemahuan ibu bapa ditentang keduniaan istimewa kalau mereka menyuruh membuat baik dan melarang membuat jahat.

Kemahuan-kemahuannya yang tidak boleh kita turut ialah apabila mereka mengajak ke lain agama atau menyuruh kita mengerjakan sesuatu yang menjadikan syurga atau menyuruh kita menderhaka kepada Allah dan mengerjakan tegahan atau meninggalkan perintah agama. Selain daripada itu segala perintahnya itu hendaklah ditaati.

Daripada kenyataan-kenyataan yang tersebut di atas ini zahir bagaimana wajib kita mentaati kehendak-kehendak ibu bapa dengan makna yang umum oleh kerana bagi ibu bapa yang beriman itu tidak akan terlintas pada hatinya hendak menjadikan anaknya terjerumus ke dalam suatu kejahatan sekalipun anak-anak itu berkali-kali menyakitkan hatinya dan sebagainya. Dengan kerana itu tidaklah boleh dimaknakan bahawa kehendak ibu bapa mengahwinkan kepada seorang yang dipilihnya melainkan dengan memandang untuk keselamatan anaknya tetapi sekalipun demikian ia tidak akan membuat atau melakukan sesuatu itu melainkan setelah meminta persetujuan anaknya kerana dengan persetujuan itulah baharu sempurna perkahwinannya. Untuk menjauhkan berlaku sesuatu pertelingkahan maka yang sebaik-baiknya ialah menggunakan kebijaksanaan sama ada bapa atau anak. Bapa mesti memandang janganlah kerana mengikut kemahuannya akan merosakkan pula perasaan dan hati anaknya yang menjadikan sebab pada sebahagian tempat kerana

kurang pengetahuan mudah sekali perbuatan-perbuatan ibu bapa ini menjadikan sebab anak itu melakukan derhaka kepada ibu bapanya -mengherdik dan membodohkan mereka itu sehingga lupa kepada jasa kedua-dua mereka tatkala mendidik dan memelihara mereka dengan bersusah payah siang malam mengawal dan memelihara mereka sehingga besar. Jadi derhaka atau tidak patut mengikut perkataan kedua-dua ibu bapa itu lazim terbitnya daripada didikan ibu bapa itu sendiri.

-----*-----*-----

A. Zawawi Ali 8 F. Mount Emley Road

Singapura bertanya: Jika seseorang diserang oleh penyakit yang merbahaya seperti batuk kering (T.B.) umpunya tak dapat menunaikan puasa bagi tiap-tiap bulan Ramadhan dan tak dapat mengqada puasanya dan kalau dilakukan harus menjadi mudarat penyakitnya- apakah hukumnya?

Jawab: Orang yang sentiasa sakit dan jika puasa menjadi mudarat padanya. Ataupun orang yang mempunyai tabiat apabila sahaja ia berpuasa ia jatuh sakit, atau orang yang kehidupannya tetap dengan pekerjaan yang berat seperti di lombong-lombong emas, besi, timah, arang batu dan sebagainya atau orang-orang yang sangat tua atau perempuan yang bunting dan menyusukan anaknya iaitu orang-orang yang boleh berpuasa tetapi dengan sangat bersusah payah maka menurut sebahagian ulama mereka itu tidak wajib puasa hanya diwajibkan membayar fidyah. Firman Allah (maksudnya); dan orang-orang yang boleh puasa tetapi dengan susah payah itu (kalau tidak puasa) wajib bayar fidyah (iaitu) memberi makan seorang miskin.

Orang-orang yang sudah membayar fidyah itu tidak wajib qada di atasnya.

-----*-----*-----

Za. Rusli Umbai Polis Stesyen Melaka bertanya:

Di antara anak bangsawan dengan anak didikan itu manakah yang lebih sempurna hidupnya?

Jawab: Bangsa itu hanya terletak kepada nisab darah. Nisab darah ini apabila dibanggakan menjadikan ia takbur dan memandang

tinggi lalu menghidupkan perasaan bertinggi rendah di antara satu dengan lain. Sebelum tiba agama Islam maka di dalam masyarakat orang-orang Arab satu kabilah dengan satu kabilah bermegah-megah dengan kemegahana keturunannya. Perasaan yang sedemikian inilah sesudah datang junjungan kita Muhammad (SAW) menghapuskan dan membawa persamaan di antara satu dengan lain dan yang dilebihkan hanya takwa seseorang kepada Allah- tidak peduli daripada apa bangsa pun.

Dengan pengajaran ini zahir bahawa yang lebih utama ialah didikan terutamanya didikan akhlak yang menjadi sebab seseorang itu akan merendah diri, baik budi bahasanya dan sempurna perangai dan kelakuannya sedang kita dapati berapa banyak yang tidak mempunyai didikan keadaannya sama sebagai “kambing jalang” sahaja membuat kelakuan-kelakuan yang tidak baik bukannya hanya pada pandangannya agama bahkan juga kepada masyarakat umumnya.

-----*-----*-----

Muhammad Yusuf bin Ahmad Kampung Sawah Kuala Kangsar,

bertanya: Seorang gadi Cina berumur 16 tahun lari daripada rumahnya datang kepada tuan kadi meminta ia diIslamkan dan di sebalik itu ibu bapanya telah merepotkan hal itu kepada polis – Adakah wajib diIslamkan kerana penuh hatinya hendak memasuki Islam. Lagipun ada tanda haid mengikut hukum-hukum Islam?

Jawab: Allah telah berfirman (maksudnya) Hai orang-orang yang beriman apabila datang kepada kamu perempuan-perempuan mukmin berhijrah maka hendaklah kamu uji mereka itu akan keimanannya, Allah mengetahui atas keimanan mereka itu dan apabila kamu dapati benar keimanannya maka janganlah kamu menghantar ia balik kepada orang-orang kafir. (K. Al-Mumtahanah ayat 10).

Daripada ayat ini dapat difaham bahawa apabila seorang datang menyatakan yang ia beriman kepada Allah maka hendaklah diperiksa terlebih dahulu maka apabila didapati ia beriman betul maka hendaklah ia diIslamkan dan dipertahankan daripada dipulangkan kepada keluarganya. Hukum ini berjalan di dalam negeri Islam.